

## Metode Terjemahan Tafsir Arab-Melayu: Satu Kajian Terhadap Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an Oleh Yusoff Zaky Yacob

Azhar Bin Muhammad & Zulfikri Bin Hassan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Penterjemahan adalah metode penyebaran maklumat yang diakui keberkesannya. Kajian ini bertujuan mengkaji metodologi terjemahan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh Yusoff Zaky Yacob. Kajian ini juga bertujuan melihat aspek relevansi kitab ini terhadap masyarakat Melayu serta penerimaannya. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Semua pendekatan ini dianalisis secara manual melainkan soal selidik yang dianalisis melalui Perisian Statistical Package for Social Science 12.0 for Windows (SPSS) bagi menentukan keesahan kajian terhadap 61 responden dalam bentuk peratusan. Dapatan kajian mendapati metode yang digunakan oleh penterjemah berjaya membantu pembaca memahami teks tafsir al-Quran dengan mudah dan bersahaja. Kitab terjemahan ini juga sangat relevan dengan masyarakat tempatan dan dapat diterima baik sebagai bahan pengajian tafsir dan bahan bacaan peribadi. Beberapa cadangan dikemukakan untuk menambah nilai kitab ini bagi memperluaskan penggunaannya selari dengan matlamat asal penterjemah.

*Katakunci:* metodologi terjemahan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an

### Pengenalan

Rentetan usaha keras serta kesungguhan para ulama tempatan menterjemah kitab-kitab tafsir sebagai sumbangan khairat mereka kepada ummah sama ada mengikut surah-surah atau juzuk-juzuk tertentu, maka salah satunya timbullah terjemahan tafsir Fi Zilalil Qur'an berupa terjemahan lengkap 30 juzuk di dalam bahasa Melayu yang telah disempurnakan oleh Almarhum Dato' Yusoff Zaky Yacob. Kelahiran terjemahan tafsir ini atau nama terjemahannya ialah Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an sememangnya memberikan manfaat yang amat besar kepada masyarakat Negara ini khususnya dan masyarakat nusantara amnya.

### Pernyataan Masalah

Berdasarkan keadaan masyarakat Melayu kini yang pelbagai, penumpuan masyarakat awam amat berkurangan terhadap sumber-sumber tafsir al-Quran. Ia berpunca dari gaya pengolahan bahasa di dalam kitab-kitab tafsir berbahasa Melayu kebanyakannya tidak sesuai lagi dengan bahasa moden yang digunakan kini. Begitu juga ilmu tafsir al-Quran yang selama ini dibayangi dengan terjemahan-terjemahan mengikut bahasa Melayu klasik yang menyebabkan menyebabkan kemerosotan minat masyarakat terhadap sumber-sumber tafsir untuk dibaca dan dipelajari. Walaupun terdapat beberapa terjemahan kitab Fi Zilalil Qur'an dalam bahasa Melayu Indonesia, masih terdapat banyak perkataan yang digunakan menyukarkan masyarakat tempatan untuk memahaminya.

Penulis berpendapat adalah perlu dicari punca sambutan hebat yang diberikan oleh orang ramai terhadap terjemahan Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh Yusoff Zaky Yacob berikutan pembelian yang laris kitab ini yang diterbitkan pada tahun 2000 masihi yang mengandungi 17 jilid. Begitu juga banyak kedengaran di sana sini diadakan kelas tafsir al-Quran dengan menggunakan kitab terjemahan ini. Disebabkan masyarakat terlalu berminat mendalami ilmu tafsir al-Quran dengan berpandukan terjemahan Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh Yusoff Zaky

Yacob ini, penulis berasa terpenggil untuk untuk mengkaji sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap kitab ini serta relevannya dengan situasi masyarakat di Malaysia.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji metodologi terjemahan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh Yusoff Zaky Yacob.
- ii. Melihat relevansi kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh Yusoff Zaky Yacob terhadap masyarakat Melayu.
- iii. Mengenal pasti penerimaan masyarakat Melayu terhadap kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh Yusoff Zaky Yacob.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan memberikan pendedahan terhadap metodologi penterjemahan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an yang tepat, mesra dan praktikal yang akan menjadi asas kepada sesiapa yang ingin terlibat secara serius dalam bidang ini dan ia memberi manfaat kepada mereka untuk menganalisis kaedah terjemahan Yusoff Zaky Yacob. Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada masyarakat tentang adanya tafsir berbahasa Melayu yang boleh dirujuk serta dibaca yang menepati metode dakwah zaman moden. Melalui kajian ini ia dapat menonjolkan kegigihan, ketokohan dan kepakaran Yusoff Zaky Yacob kepada para pelajar dan masyarakat umum terhadap keperibadian beliau yang sanggup menumpukan sepenuh masa kepada usaha penterjemahan yang penuh mencabar sehingga membuahkan hasil yang tidak ternilai harganya.

### **Skop Kajian**

Kajian ini diskopkan kepada ayat 142-203 dari Surah al-Baqarah iaitu separuh daripada juzuk yang kedua. Teks yang dikaji bersumberkan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an- Di Bawah Bayangan Al-Qur'an yang telah diterjemahkan oleh Yusoff Zaky Yacob berpandukan tafsir Fi Zilalil Qur'an karangan Sayyid Qutb yang berbahasa Arab. Kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an - Di Bawah Bayangan Al-Qur'an ini merupakan cetakan Pertama yang diterbitkan pada tahun 2000 masihi/1420 hijrah. Percetakan ini diterbitkan oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

### **Metodologi**

#### **Soal Selidik**

Soalan-soalan yang diedarkan berkaitan dengan latar belakang responden dan terbahagi kepada tiga bahagian utama bagi untuk dijawab oleh pelajar. Soal selidik ringkas telah dijalankan oleh penulis dengan mengedarkan kertas soal selidik kepada 61 rang hadirin yang hadir untuk mengikuti pengajian kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an yang bertempat di Surau Simpang 3, Bidor, Perak Darul Ridzuan yang mana pengajian ini dikendalikan oleh Al-Fadhil al-Ustaz Zulqarnain bin Hassan. Hasil dapatan akan diproses dalam bentuk peratusan dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS 12.0) dan hasilnya dapat menjawab ketiga-tiga persoalan kajian ini dan seterusnya menampakkan keesahan kitab ini. Item yang disoal sebanyak 43 soalan pilihan 'Ya' atau 'Tidak'.

## **Sampel Kajian**

Responden yang dijadikan sampel dalam sesi temu bual ialah salah seorang anak beliau iaitu Dr. Irfan Zaky, tiga orang panel penyemak kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an iaitu al-Ustaz Muhammad Labib bin Ahmad, Dato' Haji Mohd Shukri bin Mohamad, Dato' Haji Daud bin Muhammad (Dato' Ana D'Raja). Tenaga pengajar kitab ini yang ditemu bual ialah al-Ustaz Su'aid bin Din dan al-Ustaz Zulqarnain bin Hassan. Untuk sesi pemerhatian dan menjawab soal selidik pula mereka terdiri daripada orang awam yang mengikuti pengajian kitab ini di Surau Simpang 3, Bidor, Perak Darul Ridzuan manakala pemerhatian yang lain dijalankan di Masjid Ridzwaniah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.

## **Keputusan**

### **Kajian dokumentasi**

Kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an merupakan salah sebuah kitab terjemahan berbahasa Arab yang menarik perhatian ramai dan mudah difahami khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu yang berjaya disiapkan lengkap 30 juzuk yang terdiri daripada 17 Jilid. Penterjemah juga cuba menampilkan gaya bahasa dan penggunaan istilahnya yang tersendiri yang lebih mirip kepada sebutan Arab. Hasil beberapa perubahan dan penambahan yang dibuat oleh penterjemah, ia merupakan satu usaha memudahkan para pembaca merujuk dan menatapinya. Jelasnya, terjemahan ini merupakan hadiah bernilai yang ditinggalkan oleh Yusoff Zaky Yacob kepada masyarakat Melayu Malaysia untuk memahami al-Quran.

### **Pemerhatian**

Dapatlah disimpulkan di sini bahawa teks kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an merupakan terjemahan yang cukup istimewa dan menarik. Penggunaan teksnya pula amat bersesuaian dengan seluruh warga Melayu khususnya kepada para pencinta bahasa Melayu di samping berusaha mencedok seberapa banyak khazanah ilmu di dalamnya.

### **Analisis Temu Bual**

Perlu diketahui bahawa temu bual yang telah dijalankan mengambil kira aspek-aspek berikut iaitu aspek keperibadian penterjemah itu sendiri, metode yang telah digunakan, relevan Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan al-Qur'an dengan masyarakat Melayu serta penerimaannya. Dapat dirumuskan di sini bahawa tafsir ini merupakan hadiah bernilai yang ditinggalkan oleh Yusoff Zaky Yacob kepada masyarakat Melayu untuk memahami maksud al-Quran. Ia adalah hasil mujahadah seorang yang begitu komited dengan disiplin ilmu dengan meletakkan prinsip Islam di hadapannya dan di waktu yang sama mengambil kira keperluan masyarakat samasa.

## Soal selidik

Jadual 1, menunjukkan skor peratusan purata bagi bagi menjawab setiap persoalan kajian.

**Jadual 1:** Skor Purata Peratus Bagi Setiap Objektif Kajian

Bil	Soalan kajian	YA (%)	TIDAK (%)
1	Mengkaji metodologi terjemahan kitab <i>Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Quran</i> oleh Yusoff Zaky Yacob	89.4	5.68
2	Melihat relevansi kitab <i>Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Quran</i> oleh Yusoff Zaky Yacob terhadap masyarakat Melayu	89.91	7.44
3	Mengkaji penerimaan masyarakat Melayu terhadap kitab <i>Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Quran</i> oleh Yusoff Zaky Yacob	84.38	12.44
	<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>87.89</b>	<b>8.52</b>

Berdasarkan jadual 1 menunjukkan purata peratusan keseluruhan mencatatkan 87.89 peratus daripada keseluruhan responden menjawab “YA”, manakala hanya 8.52 peratus yang menjawab “TIDAK”. Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan bahawa pendekatan metode terjemahan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al- Qur'an oleh Yusoff Zaky Yacob dapat diterima dan difahami oleh masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Dari segi relevansi kitab ini pula, peratusan sebanyak 89.91 peratus yang menyatakan “YA” itu membuktikan kitab ini sangat relevan dengan masyarakat Melayu. Seterusnya dari aspek penerimaan di kalangan masyarakat melayu juga menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 84.38 peratus. Bolehlah dibuat kesimpulan dari hasil dapatan yang menyatakan “YA” pada ketiga-tiga persoalan di atas menunjukkan kesan positif kitab Tafsir Fi Zilalil Quran – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an.

## Perbincangan

### Kajian Dokumentasi

Penulis telah menjalankan kajian terhadap metodologi terjemahan yang telah dilakukan oleh Yusoff Zaky Yacob terhadap kitab Fi Zilalil Qur'an. Metodologi yang digunakan oleh beliau ialah terjemahan secara dinamis (mafhum). Penterjemah bertindak mencari bentuk-bentuk yang serupa tetapi bukannya yang sama. Hasil kajian yang dilakukan ini didapati penterjemah telah menyalin semula maklumat yang terkandung di dalam kitab tersebut tetapi bukannya menyalin bentuk penulisannya. Yang menariknya, hasil ungkapan terjemahan beliau serupa sebagaimana yang diungkapkan dalam bahasa asal kitab ini dari aspek kesenian baya bahasa mahupun nilai sasteranya. Jelasnya, penterjemahan Yusoff Zaky Yacob lebih hidup dan berjaya menyelami maksud sebenar teks asal menurut maksud yang ingin disampaikan oleh penulis asal.

Kaedah kedua pula ialah terjemahan secara literal. Ia merupakan terjemahan langsung dari penterjemah dengan mengeluarkan makna umum yang datang dulu ke dalam fikiran (Mohd Asmadi Yacob, 2002:28). Dalam usaha menatap seterusnya membaca kitab Tafsir Fi Zilalil Quran – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an

ini, pembaca akan dapat menyingkap keindahan bahasa sastra yang diungkapkan oleh penterjemah. Dari aspek penggunaan gaya bahasanya pula, penterjemah didapati lebih gemar menggunakan ayat-ayat panjang dalam menterjemah.

Aspek pengulangan perkataan yang sama sering kali dilakukan oleh penterjemah walaupun dalam ayat yang sama. Di samping itu juga, ada juga beliau menggunakan perkataan-perkataan yang jarang digunakan dalam bahasa masyarakat Melayu kini. Unsur retorik yang disebut ilmu al-Balaghah di bawah tajuk al-Isti'arah (Metafora) yang merupakan salah satu pecahan daripada Majaz Lughawiyy (bahasa kiasan) turut diaplikasikan oleh penterjemah. Ia berperanan memberi maksud yang mendalam kepada satu-satu ungkapan agar bahasanya nampak indah dan menarik.

Aspek ketiga yang dikaji ialah penterjemahan istilah serta pembahagiannya. Pertama; istilah bahasa Arab yang turut digunakan dalam bahasa Melayu seperti hatta, diat, fitrah dan sebagainya. Kedua; beliau membahagikan perkataan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu tetapi digunakan dalam terjemahannya seperti arjah yang member maksud pendapat yang lebih kuat dan sebagainya. Ketiga; penerampilan ejaan Rumi yang tersendiri berpandukan sebutan kata Arab seperti 'aqliah yang ditulis dalam bahasa Melayu sebagai akliah, mu'min ditulis mukmin dan sebagainya.

### **Pemerhatian**

Dua pemerhatian telah dilakukan dalam kajian ini iaitu kajian terhadap aspek fizikal dan juga peranan tenaga pengajar serta pelajar yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran kitab ini. Aspek penggunaan teks Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an oleh guru ketika mengendalikan kelas turut sama diperhatikan. Hasil dari pemerhatian ini, penulis berjaya mengeluarkan beberapa tema. Antara temanya ialah kesepaduan dalam pengajaran dari aspek memaksimumkan penggunaan teks terjemahan, tenaga pengajar berjaya mengenegahkan unsur sastra penterjemah dan mengaitkan isi-isi teks dengan isu-isu semasa. Semua yang tersebut menjadi teras kepada penerimaan masyarakat terhadap kitab ini.

### **Temu Bual**

Kesemua jawapan disaring berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian sama ada dari aspek metodologi terjemahan, relevansi dan aspek penerimaannya di kalangan masyarakat Melayu. Penulis kemudiannya mengeluarkan beberapa sub tema berpandukan teks temu bual yang telah dicerakinkan. Antara sub tema yang Berjaya dikeluarkan dalam temu bual ini ialah Yusoff Zaky Yacob telah menterjemah ayat al-Quran terlebih sebelum menterjemahkan huraian. Dengan cara begini akan member kemudahan kepada pembaca dan pelajar untuk memahami maksud ayat secara sepintas lalu sebelum dikemukakan tafsirannya. Berasaskan analisis kajian, didapati penterjemah telah mengadakan kaedah tulisan Ruminya yang tersendiri yang selari dengan sebutan Arab, gaya bahasa terjemahannya bersifat memudahkan kefahaman, kesan penterjemahan sastra penterjemah amat menyerlah sebagaimana terserlahnya unsur sastra dalam teks Arab.

Berdasarkan aspek relevansi pula dengan terbitnya Tafsir Fi Zilalil Qur'an – Di Bawah Bayangan Al-Qur'an ini ia memberi peluang kepada golongan yang tidak menguasai bahasa Arab untuk turut berkesempatan mempelajari tafsir al-Quran. Begitu juga pengungkapan secara kritis terhadap maksud asal al-Quran berpandukan terjemahan mampu diterapkan dalam kehidupan masyarakat kini. Dari aspek penerimaan masyarakat pula penulis mendapati orang ramai begitu teruja untuk memilikinya, mempelajari tafsir al-Quran berpandukan terjemahan ini, bahkan kitab terjemahan ini turut dimiliki oleh para ahli akademik dan profesional yang berjiwa Islam sebagai rujukan mereka.

## **Soal Selidik**

Hasil keseluruhannya menunjukkan keesahan kajian ini sebanyak 89.4 peratus yang menjawab “YA” untuk persoalan pertama yang berkaitan dengan metodologi terjemahan manakala masing-masing 89.91 peratus dan 84.38 peratus untuk relevansi dan penerimaan dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap kitab Tafsir Fi Zilalil Qur’an – Di Bawah Bayangan Al-Qur’an ini. Jumlah peratus keseluruhan yang mengatakan “YA” adalah 87.89 peratus iaitu suatu peratusan yang tinggi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohamad Najib Abdul Ghafur (2003:99), soal selidik merupakan satu kaedah yang paling popular di kalangan penyelidik kerana ia mudah ditadbir dan juga mudah dianalisis. Faedah yang di dapati dari soal selidik ia dapat memaparkan sikap atau pendirian seseorang terhadap soalan-soalan yang bersekala.

## **Rumusan**

Setelah melakukan pelbagai kajian perpustakaan dan analisis data yang pelbagai khususnya berkaitan dengan kitab Tafsir Fi Zilalil Qur’an – Di Bawah Bayangan Al-Qur’an sama ada berbentuk analisis dokumen, pemerhatian, temu bual dan respons soal selidik, maka penulis berjaya menemui beberapa rumusan yang dianggap penting dan relevan. Antara rumusannya ialah Yusoff Zaky Yacob telah berjaya menjalankan peranan beliau sebagai penterjemah yang cemerlang dengan menghasilkan satu karya terjemahan yang tidak kurang hebatnya sebagaimana tafsir Fi Zilalil Qur’an yang berbahasa Arab. Beliau mampu mengekalkan nilai sastera yang ada pada teks asal serta menambah nilai terjemahannya itu untuk kemudahan masyarakat tempatan seolah-olah karya terjemahan beliau itulah karya asal dan bukannya hasil usaha penterjemahan. Yusoff Zaky Yacob berjaya membina aliran bahasanya sendiri dengan menampilkan penggunaan istilah bahasa Arab dalam ejaan Rumi yang selari dengan sebutan Arab.

Kaedah terjemahan yang digunakan oleh Yusoff Zaky Yacob dalam terjemahannya boleh digolongkan sebagai terjemahan dinamis yang mana beliau cuba mencari bentuk-bentuk yang sama dan bukannya serupa dari aspek gaya bahasa, unsure retorik dan sastera teks asal. Dengan kata lain, beliau berjaya memindah dan menyalin semula maklumat dari teks asal tidak pula bermaksud menyalin cara atau bentuk pengungkapannya. Namun, kadang-kadang terjemahan beliau kelihatan agak literal disebabkan keperhatianannya beliau untuk mengekalkan segala apa yang ditulis oleh pengarang teks asal. Kitab Tafsir Fi Zilalil Qur’an- Di Bawah Bayangan Al-Qur’an telah memberikan jalan keluar kepada pencinta ilmu-ilmu Islam menatapi, berguru dan mengambil manfaat daripadanya ketika mana masyarakat ketandusan bahan tafsiran al-Quran yang sesuai ditambah lagi penggunaan gaya bahasanya yang cukup bersahaja tetapi menarik. Dengan terbitnya Tafsir Fi Zilalil Qur’an – Di Bawah Bayangan Al-Qur’an sekurang-kurangnya ia dapat memenuhi kehendak masyarakat Melayu yang begitu dahagakan sumber rujukan untuk memahami isi kandungan al-Quran dalam bahasa ibunda. Berdasarkan triangulasi data, membuktikan bahawa tafsir ini diterima baik oleh pelbagai golongan sama ada sebagai sumber rujukan mahupun bahan pengajian tafsir.

## **Rujukan**

Al-Qur’an Al-Karim

Abdullah Hassan & Ainon Mohammad, 1999. Teori dan Teknik Penterjemah. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors

‘Abdullah Shahatah, 2001. ‘Ulum al-Tafsir. Al-Qaherah: Dar al-Syuruq

‘Abdul Wasif Muhammad, 1938. Al-Tuhfah al-Saniyyah Sharh al-Thamarat al-Janiyyah. Bogor: Toko Buku & Kitab Arafat

- Ahmad Warson Munawwir, 1984. *Al-Munawwir: Kamus Arab-Indonesia*. Yogyakarta: Unit Pengadaan Buku-buku Ilmiah Keagamaan
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 2006. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd
- Ainon Muhammad, 1985. *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Ansariyy, Ibnu Mandhur, 2005. *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Kitab al- ‘Ilmiyyah
- Al-Jarim, ‘Aliyy dan Mustafa Amin, t.t. *Al-Balaghah al-Wadihah*. Dar al- Ma‘arif.
- Al-Khalidiyy, Salah ‘Abdul Fattah, 2000a. *Al-Manhaj al-Harakiyy Fi Zilal al-Qur’an*. Amman: Dar ‘Ammar
- Al-Khalidiyy, Salah ‘Abdul Fattah, 2000b. *Sayyid Qutb al-Adib, al-Naqid, wa al-Da‘iyah al-Mujahid wa al-Mufakkir al-Mufassir al-Ra’id*. Damsyik: Dar al-Qalam
- Al-Rajhiyy, ‘Abduh, 1997. *Al-Tatbiq al-Sarfi Al-Azarbthah*: Dar al-Ma‘rifah al-Jami‘iyyah
- Al-Suyutiyy, Jalal al-Din, t.t. *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Qu’ran*. Al-Qahirah: Dar al-Turath
- Al-Zarqaniyy, Muhammad ‘Abdul ‘Azim, 1988. *Manahil al-‘Irfan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Fikr
- As’ad Yasin et al., 2000. *Tafsir Fi Zhilalil Qur’an: Di Bawah Naungan Al-Quran Jilid 1*. Jakarta: Gema Insani